

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YKT 211 – TEORI DAN PENYELIDIKAN KOMUNIKASI II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajibkan dan **DUA** soalan lain.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Tuliskan nota ringkas mengenai semua konsep di bawah;
 - a. Positivisme
 - b. Pengrawakan (*randomization*)
 - c. Analisis *Scalogram Guttman*
 - d. Kelompok rekabentuk Solomon
 - e. Pemerhatian ikut-serta (*participant-observation*)
2. a. Definisi analisis kandungan oleh Kerlinger (1986) melibatkan tiga konsep yang mencirikan kaedah analisis kandungan kuantitatif. Huraikan konsep-konsep tersebut.
b. Berdasarkan contoh yang jelas, huraikan proses pemilihan media, sampel kajian dan unit analisis di dalam kajian analisis kandungan kuantitatif.
c. Bincangkan kelemahan analisis kandungan kuantitatif.
3. Kaedah tinjauan melibatkan pengendalian soal selidik ke atas sampel-sampel yang terpilih.
 - a. Bincangkan kekuatan dan kelemahan pengendalian soal selidik melalui pos.

- 2 -

- b. Berdasarkan contoh-contoh yang berkaitan,uraikan perkara-perkara yang perlu diambilkira dalam pembinaan soalan-soalan di dalam soal selidik.
 - c. Bina dua (2) hipotesis yang boleh diuji menggunakan kaedah tinjauan. Bagi kedua-dua hipotesis tersebut, nyatakan dengan jelas pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.
4. Analisis pemupukan (*Cultivation Analysis*) yang diperkenalkan George Gerbner dan rakan-rakannya adalah salah satu bentuk penyelidikan yang cuba melihat pengaruh televisyen ke atas persepsi audiens mengenai realiti sosial.
- a. Bincangkan asas-asas andaian kajian analisis pemupukan.
 - b. Huraikan langkah-langkah dalam kajian analisis pemupukan.
 - c. Bincangkan sumbangan dan kepentingan kajian analisis pemupukan dalam pengajian media.

- ooo O ooo -